



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - Penyusutan Harga Minyak Heret Pasaran Serantau

Berita Harian - Penyusutan Harga Minyak Heret Pasaran Serantau

🕒 Isnin, Mei 08 2017



Penyusutan harga minyak heret pasaran serantau

BH 8/5



Harga minyak meneruskan kerugian hari pada Jumaat, mengheret syarikat tenaga dan pasaran Asia dengan pelabur berdepan kebimbangan lebih bekalan global.

Sementara itu, peniaga pula masih menunggu hasil laporan data pekerjaan Amerika Syarikat (AS) yang bakal diumumkan, yang mana kejatuhan harga minyak mentah menjejaskan keyakinan perdagangan, dengan penganalisis memberi amaran kemungkinan itu semua memberi kesan ke atas ekonomi.

Kedua-dua kontrak utama jatuh sekitar dua peratus di Asia, susulan kebimbangan peningkatan pengeluaran dari AS, Libya dan Nigeria serta komitmen pengurangan oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

“Wujud kekecewaan terhadap ketidakberhasilan daripada usaha pengurangan pengeluaran oleh OPEC dan ia tidak mempunyai sebarang kesan pada tahap inventori global (pada masa ini),” kata Ketua Penganalisis Pasaran CMC Markets, Ric Spooner kepada *Bloomberg News* di Sydney.

Kemerosotan harga minyak mengheret syarikat senaraian Hong Kong, PetroChina jatuh 2.4 peratus dan CNOOC susut lebih satu peratus.



Kemerosotan harga minyak beri kesan negatif saham PetroChina.

Di Sydney, Woodside Petroleum hilang 2.7 peratus, Santos merosot tiga peratus dan Rio Tinto jatuh dua peratus.

Sementara itu, dalam kalangan indeks utama di rantau ini, Hong Kong jatuh 0.8 peratus, Shanghai berakhir 0.8 peratus lebih rendah dan Sydney tergelincir 0.7 peratus.

Singapura susut 0.2 peratus.

Taipei dan Jakarta masing-masing turut mengalami kerugian.

Hang Seng Hong Kong jatuh 0.8 peratus untuk ditutup pada 24,476.35, Komposit Shanghai merosot 0.8 peratus untuk ditutup pada 3,103.04, Nikkei 225 Tokyo ditutup bagi cuti umum dan FTSE 100 London jatuh 0.3 peratus untuk ditutup pada 7,224.38. **AFP**

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENS

WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📞 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**